

# 47 dapat kelengkapan sekolah

Metro (Selangor) Bhamis 3/1/12 msl8

**K**UANTAN: Seramai 47 kanak-kanak di Kampung Tengah dan Kampung Jawa di sini, yang menjadi mangsa banjir kilat minggu lalu, menerima kelengkapan persekolahan daripada Persatuan Wanita Universiti Malaysia Pahang (Matahari), semalam.

Mereka menerima sumbangan pakaian sekolah, kasut, beg dan kelengkapan alat tulis, sekali gus meringankan bebanan keluarga mangsa

banjir terbabit.

Sumbangan disampaikan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Teruntum, Datuk Chang Hong Seong yang turut dihadiri Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, Presiden Matahari, Profesor Madya Dr Mimi Sakinah Abdul Munaim dan Ketua Kampung, Kampung Tengah, Hazman Jaafar.

**SUMBANGAN**  
...Chang  
(tengah) dan  
Daing (kiri)  
menyampaikan  
pakaian  
sekolah  
kepada anak  
mangsa  
banjir.

